

PERJANJIAN

ANTARA KERAJAAN SOVIET UNION DENGAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT MENGENAI KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN

Kerajaan Soviet dan Amerika memberi pertimbangan tentang pentingnya pengeluaran bahan makan bagi rakyat kedua buah negara dan semua umat manusia.

Berhasrat meluaskan kerjasama antara kedua negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian.

Ingin menggunakan cara dan teknologi baru dalam pengeluaran dan memproses makanan.

Mengakui keperluan meluaskan hubungan perdagangan pertanian dan bertukar-tukar maklumat perlu dalam bidang itu.

Menyedari kerjasama dalam bidang pertanian akan memberi sumbangan menyeluruh untuk memperbaiki hubungan kedua negara.

Sejajar dan memajukan lagi perjanjian antara kerajaan Soviet dan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang Sains dan Teknologi pada 24 Mei, 1972, dan mengikut dengan perjanjian bertukar-tukar dan kerjasama dalam sains, teknik, pelajaran, kebudayaan dan lain-lain bidang pada 11 April, 1972 dan sejajar dengan perjanjian mengenai kerjasama dalam bidang melindungi kekotoran pada Mei, 1972,

telah bersetuju seperti berikut :

ARTIKEL 1

Kedua pihak akan memaju dan melaksanakan kerjasama dalam bidang pertanian menurut asas faedah bersama, persamaan dan saling bertolak ansur.

ARTIKEL 2

Kedua pihak akan mengembangkan kemajuan bagi faedah kerjasama bersama untuk perkara-perkara seperti berikut :

1. Selalu mengadakan rancangan bertukar-tukar maklumat yang ada kaitan, termasuk anggaran masa depan, pengeluaran, penggunaan, keperluan dan perdagangan bahan-bahan pengeluaran pertanian yang penting, termasuk cara ekonomi.
2. Cara-cara meramalkan pengeluaran, keperluan dan penggunaan bagi bahan-bahan pengeluaran pertanian yang penting, termasuk cara ekonomi.
3. Sains Tumbuhan termasuk tubuh, pembiakan, perlindungan tumbuhan dan pengeluaran pertanian, termasuk pengeluaran di bawah keadaan separuh kering.
4. Sains Penternakan termasuk pembiakan tubuh badan, pemakanan, melindungi penyakit dan gerakan-gerakan secara besar-besaran.
5. Sains Bumi, termasuk gerakan air, gas, garam, dan hawa dalam tanah.
6. Cara pertanian, termasuk pembangunan dan percubaan jentera-jentera baru, alat-alat dan teknologi dan juga membaiki serta perkhidmatan teknik.
7. Permohonan setor, pengangkutan baja dan lain-lain kimia pertanian.
8. Memproses menyimpan dan bahan-bahan pertanian dari menjadi busuk termasuk formula teknologi makanan binatang.
9. Menambak tanah dan kejuruteraan menambak termasuk memajukan alat-alat baru, reka bentuk dan bahan-bahan.
10. Penggunaan ilmu hisab dan komputer elektronik dalam pertanian, termasuk contoh ilmu hisab dalam perusahaan pertanian yang besar.

Kerjasama dalam lain-lain bidang akan ditambah dengan persetujuan bersama.

ARTIKEL 3

Kerjasama antara pihak-pihak boleh dilakukan sebagai berikut :

1. Bertukar-tukar ahli-ahli sains, pakar dan pelatih-pelatih.
2. Pertubuhan bagi mengadakan simposium dan persidangan antara dua kerajaan.
3. Bertukar-tukar alat sains, teknik dan maklumat ekonomi serta cara penyelidikan.
4. Perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek-projek dan rancangan bersama.
5. Bertukar-tukar benih tumbuhan plasima.
6. Bertukar-tukar haiwan, bahan-bahan kaji hayat, kimia pertanian, contoh jentera batu dan alat-alat sains.
7. Hubungan terus antara bahan-bahan kebun bunga.
8. Bertukar-tukar pameran pertanian.

Lain-lain kerjasama boleh ditambah dengan persetujuan kedua pihak.

ARTIKEL 4

1. Bagi meneruskan dan mencapai tujuan-tujuan bersetujuan itu, kedua pihak akan menggalak, mengembang dan menggesa kemajuan kerjasama dan hubungan terus antara badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, penyelidikan dan lain-lain pertubuhan perdagangan dan syarikat-syarikat kedua negara termasuk keputusan pelaksanaan persetujuan bagi melaksanakan projek-projek dan rancangan tertentu di bawah perjanjian ini.

2. Untuk menentukan kemajuan kerjasama yang berjaya, kedua pihak akan memberi segala bantuan perlu bagi ahli-ahli sains dan pakar menjelajah antara satu kawasan ke kawasan lain antara kedua buah negara bagi menjalankan kegiatan di bawah perjanjian ini.

3. Projek-projek dan pertukaran di bawah perjanjian ini akan dilaksanakan sejajar dengan undang-undang dan peraturan kedua negara.

ARTIKEL 5

1. Bagi melaksanakan perjanjian ini, hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa Bersama USSR-AS mengenai Kerjasama Pertanian yang akan mengadakan pertemuan setahun sekali, bergilir-gilir di Soviet dan Amerika Syarikat, kecuali persetujuan lain dicapai.
2. Jawatankuasa Bersama akan mengkaji dan meluluskan projek-projek dan rancangan-rancangan kerjasama, mengadakan peraturan bagi pelaksanaan; perlantikan, institute dan pertubuhan-pertubuhan bertanggungjawab melaksanakan kegiatan kerjasama dan membuat syor-syor untuk kepentingan kedua pihak.
3. Dalam rangka kerja Jawatankuasa Bersama hendaklah ditubuhkan Kumpulan Kerja Bersama mengenai Penyelidikan Ekonomi dan Penerangan dan Kumpulan Kerja Bersama mengenai Penyelidikan Pertanian dan Kemajuan Teknologi. Kecuali lain-lain persetujuan dicapai, tiap-tiap Kumpulan Kerja akan mengadakan pertemuan bergilir-gilir di Soviet dan di Amerika Syarikat sekurang-kurang dua kali setahun. Jawatankuasa Kerja boleh menubuhkan lain-lain kumpulan kerja jika difikirkan perlu.
4. Pegawai-pegawai tinggi bagi menyelaraskan dan melaksanakan perjanjian ini bagi Kerajaan Soviet dan Jabatan Pertanian Amerika. Pegawai-pegawai itu akan menjamin kerjasama bagi pertubuhan-pertubuhan negara masing-masing seperti yang diperlukan bagi menjalankan kegiatan di bawah perjanjian ini. Dalam tempoh perjumpaan-perjumpaan antara Jawatankuasa Bersama, pegawai-pegawai itu akan mengekalkan hubungan antara satu sama lain dan lain-lain penyelarasan dan penyeliaan bagi kemajuan dan pelaksanaan kegiatan kerjasama yang diselenggarakan di bawah perjanjian ini.

ARTIKEL 6

Kecuali perjanjian pelaksanaan mengandungi lain-lain peruntukan, tiap-tiap pihak atau pertubuhan yang menyertainya, pertubuhan atau syarikat-syarikat hendaklah membiayai perbelanjaan menyertainya dan pegawai-pegawai dalam menjalankan kegiatan kerjasama di bawah perjanjian ini.

ARTIKEL 7

1. Perjanjian ini tidak boleh ditafsirkan yang membawa perasangka atau membetulkan persetujuan yang ada sekarang antara kedua pihak.

2. Projek-projek yang dimajukan oleh Jawatankuasa Bersama mengenai Penyelidikan Pertanian yang diluluskan dan mesyuarat pertama Suruhanjaya bersama USSR-AS mengenai Kerjasama Sains dan Teknik pada 21 Mac, 1973 akan diteruskan tanpa gangguan dan akan menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Bersama USSR-AS mengenai kerjasama Pertanian apabila ia ditubuhkan dengan resmi.

ARTIKEL 8

1. Perjanjian ini akan berjalan selepas ia ditandatangani dan akan berjalan selama lima tahun. Ia akan dilanjutkan dengan sendiri bagi tempoh lima tahun lagi kecuali satu-satu pihak memberitahu lain pihak niatnya untuk menamatkan perjanjian ini tidak lewat dari masa enam bulan sebelum tempoh perjanjian itu tamat.

2. Perjanjian ini boleh diperbaiki pada bila-bila masa dengan persetujuan kedua pihak.

3. Jika perjanjian ini ditamatkan ia tidak akan memberi kesan terhadap pengesahan perlaksanaan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat di bawah perjanjian antara institute, pertubuhan dan syarikat-syarikat kedua negara.

Dibuat di Washington pada 19hb. Jun, 1973 dalam dua salinan dalam dua bahasa iaitu Russia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Kerajaan
Kesatuan Republik
Sosialis Soviet
A. GROMYKO**

**Bagi Kerajaan
Amerika Syarikat
E. BUTZ.**